

Buletin Edisi 2019

KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH

TAHNI TAHI



GRADUASI PERINTIS KKKP



TERIMA KASIH PUAN HUZAIMAH
MANTAN PENGARAH KKKP



SELAMAT DATANG TS AHMAD AFANDI
PENGARAH BAHARU KKKP



KKKP HEBAT MENUJU 2020

ISSN 2600-7908



9 772600 790001

SIDANG REDAKSI

KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH

KETUA EDITOR

PUAN NORMAZLINA BINTI OTHMAN

EDITOR

PUAN NOR ADILA HANIM BINTI AB KADIR

PENULIS

PUAN HALIJAH BINTI ISMAIL

PUAN NURASYIKIN BINTI FAZIL

PUAN SITI UBAlDAH BINTI YUSUF

PUAN SUZANNA BINTI SAMSUDIN

PUAN FARAH ZURIN BINTI SALLEH

PUAN NORMAZLINA BINTI OTHMAN

PUAN NOROLIZAH BINTI ABU HASSAN

PUAN NOOR AJUMA BINTI MAT HASSAN

PUAN NORZITA SUZALIN BINTI MOHD ALI

ENCIK AMIR ARIEF BIN ZAINAL ABIDIN

TUAN HAJI MOHD SHAFIE BIN RAHAMAN

GRAFIK

PUAN NOR ADILA HANIM BINTI AB KADIR

ENCIK AMIR ARIEF BIN ZAINAL ABIDIN



Ts. Ahmad Afandi bin Abd Khalil
Pengarah
Kolej Komuniti Kuala Pilah

SETINTA BICARA

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi di atas limpah dan kurniaNya, Kolej Komuniti Kuala Pilah (KKKP) berjaya menerbitkan Buletin WACANA Edisi 2019. Buletin ini merupakan kompilasi rencana bagi segala program dan aktiviti menarik yang telah dijalankan oleh KKKP sepanjang tahun 2019. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin Wacana atas penghasilan buletin edisi ini.

Saya amat berbangga dengan semangat kerja berpasukan yang ditunjukkan oleh warga KKKP dalam setiap program yang dianjurkan. Pihak pengurusan KKKP sentiasa memberi galakan dalam mempraktikkan amalan merekod semua pelaporan aktiviti atau program, seterusnya digabungkan dalam buletin yang akan diterbitkan setiap tahun. InshaAllah, mudah-mudahan ia dapat memberi manfaat kepada semua.

Akhir kata, besar harapan saya agar kecemerlangan ini akan berterusan pada masa akan datang dan menjadikan KKKP sebagai kolej yang unggul dan disanjung tinggi. Terima kasih yang tidak terhingga kepada warga KKKP. Kejayaan dan pencapaian KKKP adalah hasil usaha dan komitmen semua. Tahniah!



ISI KANDUNGAN

M/S 02

- SIDANG REDAKSI
- SETINTA BICARA

EKSKLUSIF

M/S 04 - 05

- MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI

M/S 06

- PERISA '19 : PENSYARAH RAIH 1 EMAS
- RESPEX 2019 : KILAUAN EMAS BUAT KKKP

AKTIVITI

M/S 07

- PROGRAM INTAI DESA

M/S 08

- PROGRAM PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN

M/S 09

- LAWATAN AKADEMIK

M/S 10

- SENYUMAN AIDILFITRI 2019

M/S 11

- HARI TEKNOLOGI @ KKKP

M/S 12 - 13

- JEJAK PROMOSI KKKP

M/S 14

- PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

M/S 15

- BICARA ALUMNI KKKP

M/S 16

- MAJLIS DIALOG INDUSTRI IR 4.0

M/S 17

- PROGRAM FIT CAMP @ KKKP

M/S 18

- PENDAFTARAN PELAJAR SESI JUN 2019

M/S 19

- KOLABORASI INDUSTRI

M/S 20

- 1 KAMPUNG 1 PRODUK

M/S 21 - 23

- MEMORI 2019





27 JULAI 2019 | SABTU
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM)

MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI MELAKA & NEGERI SEMBILAN 2019



TAHNIAH!

GRADUAN SULUNG KKKP

Sejuta tahniah diucapkan kepada graduan sulung Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih (STA) kerana telah berjaya menamatkan pengajian di Kolej Komuniti Kuala Pilah (KKKP).

Dengan berlangsungnya Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Melaka & Negeri Sembilan 2019, maka secara rasmi KKKP telah mempunyai graduan dan alumni.

Seramai 15 orang pelajar STA telah dianugerahkan Sijil Kolej Komuniti dan Cik Lily Shafiqah binti Azman telah dinobatkan sebagai pelajar cemerlang bagi program STA. Tahniah diucapkan.

Seluruh warga KKKP mendoakan agar semua graduan terus berjaya dan berusaha untuk lebih maju dan sukses di dalam apa jua lapangan yang diceburi.

Tahniah. Anda Juara!

OLEH : NOROLIZAH BINTI ABU HASSAN

KKKP GEMILANG 2019

OLEH : SUZANNA BINTI SAMSUDIN

PERISA'19

KKKP telah menyertai Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET 2019 Peringkat Kebangsaan (Perisa'19) bertempat di Kolej Komuniti Selayang dan berjaya meraih pingat emas. Tahniah!

18-19 SEPTEMBER 2019

RESPEX 2019

KKKP telah menyertai Regional Educators and Students Products' Exhibition (RESPEX 2019) bertempat di Politeknik Port Dickson dan berjaya meraih pingat emas. Tahniah!

14-16 OKTOBER 2019

SPSH 2019

KKKP telah menyertai Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Kebangsaan 2019 (SPSH 2019) bertempat di Kolej Komuniti Jasin. Tahniah kepada semua peserta.

10 OKTOBER 2019



RESPEX 2019 : EMAS (BEST DIGITAL TECHNOLOGY AND PROGRAMMING PRODUCT AWARD)



PERISA '19 : 1 EMAS



SPSH 2019 : 4 PEMBENTANGAN PENYELIDIKAN



PERISA '19

10 - 13 JULAI 2019

PROGRAM INTAI DESA

OLEH : SITI UBAIDAH BINTI YUSUF | UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR



Seramai 125 orang warga Kolej Komuniti Wilayah Negeri Sembilan dan Melaka yang terdiri daripada pasukan Briged Sukarelawan Kolej Komuniti (BriSK) telah diberi kepercayaan melaksanakan sebuah program khidmat masyarakat iaitu Program Intai Desa 2019.

Program yang berlangsung dari 10 Julai 2019 sehingga 13 Julai 2019 yang lalu telah membabitkan kerjasama yang baik daripada pihak Baitulmal Daerah Kuala Pilah dan Qar'yah Masjid Taqwa, Kampung Bemban, Senaling.

Kampung yang terpilih pada kali ini melibatkan Kampung Bemban dan Kampung Sungai Layang di Daerah Senaling, Kuala Pilah. Manakala majlis perasmian penutup yang telah dirasmikan oleh Tn. Hj Muhamad Rumzi Bin Mamat, selaku Pengarah Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPi), Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti telah diadakan di Masjid Taqwa Kampung Bemban.

Antara khidmat komuniti yang ditawarkan oleh pasukan BriSK ini adalah pemasangan kipas di rumah - rumah asnaf terpilih, penyediaan mini landskap, pemotongan rambut percuma, spa dan urutan tangan percuma, sukaneka rakyat serta membersihkan kawasan sekitar Masjid Taqwa Kampung Bemban Kuala Pilah.

Impak dari program ini dapat dilihat dengan sikap yang ditunjukkan oleh ahli pasukan BriSK iaitu sikap tolong-menolong, empati dan semangat sukarelawan sepanjang program ini berlangsung.



PROGRAM PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN KKKP



Membuka gerai
jualan sempena
Konvokesyen Kolej
Komuniti Wilayah
Melaka & Negeri
Sembilan 2019

PROGRAM-PROGRAM KEUSAHAWANAN :

**MAJLIS KONVOKESYEN
KOLEJ
KOMUNITI WILAYAH
MELAKA & NEGERI
SEMBILAN 2019**

26 - 27 Julai 2019
UTEM, Melaka

**PRODUK INOVASI
"JEJEMAS"
UNTUK
RESPEX 2019**

07 Oktober 2019
Makmal Komputer KKKP

**REKABENTUK &
PENJENAMAAN
PRODUK INOVASI
ROBOT**

22 - 23 Mei 2019
Makmal Komputer KKKP

KE ARAH MELAHIRKAN PELAJAR BERMINDA USAHAWAN

OLEH : MOHD SHAFIE BIN RAHAMAN

Program keusahawanan melibatkan pelajar keusahawanan Kolej Komuniti Kuala Pilah merupakan program yang dirancang mengikut KPI keusahawanan pusat. Semua program yang dijalankan adalah untuk memberi pendedahan berkenaan proses paten secara terperinci.

Program ini juga membuka minda pelajar untuk lebih kreatif dalam menghasilkan produk inovasi keusahawanan berdasarkan kemahiran yang diperolehi di Kolej Komuniti.



LAWATAN AKADEMIK KE SKMM

SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM), CYBERJAYA

21 MAC 2019 | KHAMIS


OLEH : FARAH ZURIN BINTI SALLEH

Program lawatan ke SKMM ini merupakan satu aktiviti yang bertujuan untuk memberi pendedahan dalam bidang komunikasi kepada pelajar dan pensyarah Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih (STA).

Lawatan yang berlangsung pada 21 Mac 2019 ini telah disertai oleh 20 orang pelajar STA dan 10 orang pensyarah pengiring.

Program ini berjalan dengan sesi perkongsian ilmu, pendapat dan pandangan dari pihak industri berkenaan senario sebenar dalam bidang keselamatan komunikasi.

Program ini diharapkan dapat melahirkan pelajar yang lebih berdaya saing dalam bidang komunikasi.





SENYUMAN AIDILFITRI 2019

OLEH : SITI UBAlDAH BINTI YUSUF

Projek Baju Raya (Senyuman Aidilfitri) 1440H/ 2019M merupakan sebuah program khidmat kebajikan anjuran bersama Unit Pembangunan Pelajar, Kolej Komuniti Kuala Pilah dan Pasukan Briged Sukarelawan (BriSK) Kolej Komuniti Negeri Sembilan & Melaka.

Projek ini mencari sumbangan daripada syarikat korporat serta individu perseorangan dan mensasarkan sebanyak 103 pelajar sekolah dari keluarga asnaf di 10 buah sekolah rendah dan menengah di sekitar Kuala Pilah dalam bentuk pakaian raya baharu, keperluan makanan dan duit raya.

Program yang dianjurkan ini bertujuan utama bagi meringankan bebanan dan dapat menceriakan suasana Aidilfitri kepada penerima. Antara objektif utama penganjuran projek ini ialah membantu meringankan beban hidup penerima dan menyuntik semangat supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik, memupuk sikap tolong menolong dan empati terhadap golongan yang tidak bernasib baik serta meningkatkan semangat kesukarelawan dan membentuk pembangunan insaniah dalam diri seluruh sukarelawan yang terlibat.

Projek yang berjalan selama 6 minggu ini telah bermula pada 15 April 2019 sehingga kemuncaknya pada 24 Mei 2019 telah mendapat kerjasama daripada sekolah yang terpilih di Daerah Kuala Pilah dalam mengenalpasti senarai penerima yang layak.

Projek ini telah berjaya memperolehi sumbangan sejumlah RM15K hasil daripada syarikat korporat dan individu perseorangan.



HARI TEKNOLOGI @ KKKP 2019

OLEH : HALIJAH BINTI ISMAIL



Program "Hari Teknologi @ KKKP 2019" anjuran pelajar Sijil Teknologi Mudah Alih Semester 3 sesi Jun 2019 secara asasnya bertujuan memenuhi keperluan kursus MPU 1231 - Kemahiran Insaniah bertemakan "GENERASI HUFFAZ MENERAJUI REVOLUSI INDUSTRI 4.0". Justeru program ini merupakan pengisian bagi Minggu Sains Negara peringkat Kolej Komuniti Kuala Pilah.

Seramai 60 orang murid Sekolah Rendah Islam Intergrasi Darul Ulum (SRIDU) Kuala Pilah telah menghadiri program yang dikendalikan sepenuhnya oleh seramai 13 orang pelajar dan dibantu oleh 5 orang pensyarah penasihat.

Pengisian Hari Teknologi melibatkan sesi ceramah, aktiviti berkumpulan demo 'Robotic Soccer', Solat Sunat Dhuha berjemaah serta persembahan Qasidah dari murid SRIIDU. Acara di sambung pada sesi petang dengan 'Water Rocket Challenge' menyaksikan perlawanan pembinaan Water Rocket oleh pelajar Semester 1 Sesi Jun 2019.



OLEH : NURASYKIN BINTI FAZIL



ZIPPY_INFOTECH @ KKKP 2019



JEJAK PROMOSI KKKP 2019

UNIT PROMOSI

DIARI PROMOSI KKKP

UNIT PROMOSI

| | | |
|--|--|---|
| <p style="text-align: center;">JANUARI 2019</p> <p>080119 : Memohon mengadakan promosi bagi kemasukan ke Kolej Komuniti Kuala Pilah bagi Tahun 2019</p> | <p style="text-align: center;">MAC 2019</p> <p>060319 : Program Zippy_Infotech @ KKKP</p> <p>140319 : Promosi Sempena Keputusan SPM 2018</p> <p>150319 : Pameran Sempena Program Sentuhan Mahabah@Juasseh</p> <p>230319 : Promosi Di Port Dickson</p> | |
| <p style="text-align: center;">APRIL 2019</p> <p>010419 : Jejak Juara di SMK Malim Melaka</p> <p>130419 : Karnival Gema Tarbawi 2019</p> <p>13-140419 : Program Karnival Pendidikan Negeri Sembilan 2019</p> <p>220419 : Jejak Juara di SMK Tinggi Port Dickson</p> <p>300419 : Karnival Pendidikan dan kerjaya SMK Jelai Kuala Pilah 2019</p> | <p style="text-align: center;">JULAI 2019</p> <p>130719 : Karnival Pekerjaan & Pendidikan TVET Peringkat Negeri Sembilan</p> <p>170719: Karnival Pendidikan, Kerjaya & Keusahawanan SMK Tunku Besar Burhanuddin</p> <p>170719: Program Jejak Juara bersama Kolej Komuniti Wilayah Melaka/Negeri Sembilan dan SMK Rahmat Melaka</p> | <p style="text-align: center;">OGOS 2019</p> <p>290819: Program Outreach Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) bagi tahun 2019 : Pameran Promosi Kursus – Kursus Pengajian Sempena Karnival Komuniti Pembelajaran Professional dan Produk Sekolah Jasir Pejabat Pendidikan Daerah Jasir Tahun 2019</p> |
| <p style="text-align: center;">SEPTEMBER 2019</p> <p>040919: Program Jejak Juara Bersama Kolej Komuniti Wilayah Melaka & Negeri Sembilan Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Seremban</p> <p>110919: Karnival Pendidikan dan Kerjaya TVET Peringkat Daerah Kuala Pilah 2019</p> | <p style="text-align: center;">OKTOBER 2019</p> <p>221019: Pameran Pendidikan Bagi Program Jejak Juara Bersama Kolej Komuniti Wilayah Melaka/Negeri Sembilan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Shamsudin Nain, Rantau</p> | |

OLEH : NURASYKIN BINTI FAZIL

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

OLEH : NORZITA SUZALIN BINTI MOHD ALI



TAHNIAH!



PROGRAM PSH
KPI : 960
PENCAPAIAN : 1533

PROGRAM PSH IRA.0
KPI : 96
PENCAPAIAN : 222

PROGRAM PISH
KPI : 96
PENCAPAIAN : 338

PSH BERMODUL
KPI : 2
PENCAPAIAN : 5

11 SEPTEMBER
2019

BICARA ALUMNI KKKP BERSAMA KOMUNITI

Pada 11 September 2019 telah berlangsung satu Karnival Pendidikan & Kerjaya TVET daerah Kuala Pilah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Senaling.

Program yang telah dianjurkan bersama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Pilah dan Kolej Komuniti Wilayah Melaka & Negeri Sembilan ini telah dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun.

Program ini bertujuan untuk membuka peluang kepada komuniti sekitar daerah Kuala Pilah bagi mengenali bidang *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) dengan lebih dekat.

Kolej Komuniti Wilayah Melaka & Negeri Sembilan telah menjemput orang awam dan pelajar sekolah menengah untuk hadir bersama-sama memeriahkan suasana.

Wakil alumni Kolej Komuniti Kuala Pilah (KKKP) iaitu saudara Ammar bin Ahmad Husaini Basha telah diberi peluang untuk berkongsi pengalaman beliau sepanjang melanjutkan pengajian di KKKP.

Hampir 200 hadirin terdiri dari pelajar sekolah menengah sekitar daerah Kuala Pilah telah mengikuti sesi bual bicara ini.

Diharapkan program seumpama ini mampu menjadi daya tarikan kepada komuniti setempat untuk hadir dan merasai sendiri pengalaman belajar di Kolej Komuniti Kuala Pilah di masa akan datang.

OLEH:
AMIR ARIEF BIN ZAINAL ABIDIN



Wakil Alumni KKKP:

- Ammar bin Ahmad Husaini Basha
- Pelajar KKKP sesi Julai 2017
- Graduan & Alumni sulung KKKP





OLEH: AMIR ARIEF BIN ZAINAL ABIDIN

MAJLIS DIALOG INDUSTRI IR 4.0

Negeri Sembilan & Melaka

Pada 10 Julai 2019 telah berlangsung satu Majlis Dialog Industri IR 4.0 Peringkat Wilayah Negeri Sembilan dan Melaka di Kolej Komuniti Selandar, Melaka.

Dengan keterlibatan lebih 20 industri sekitar Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor, majlis ini mengetengahkan konsep persediaan kolej komuniti dalam cabaran menghadapi Revolusi Industri ke-4.

Dimulakan dengan majlis menandatangani sijil kolaborasi diantara kolej komuniti dan industri, majlis ini diteruskan pula dengan sesi bual bicara diantara panel industri dan pelajar-pelajar kolej komuniti.

Kolej Komuniti Kuala Pilah telah membawa 10 orang pelajar STA semester satu bersama pensyarah pengiring untuk menjayakan program tersebut.

Pengetahuan dan ilmu menarik turut dikongsi oleh panel industri terutama dari rakan kolaborasi industri KKKP sendiri iaitu encik Muhammad Shakirin bin Abu Hasan selaku wakil R&S Gadget Technologies PLT.

Diharapkan usaha seperti ini dapat diteruskan lagi agar hubungan diantara kolej komuniti dengan industri berlangsung dengan jayanya.



Program Fit Camp@KKKP

29-30/03/2019 | BUKIT SENALING



PROGRAM FIT CAMP@KKKP!

OLEH : SITI UBAIDAH BINTI YUSUF

Aktiviti mendaki bukit atau gunung kini menjadi semakin popular dalam kalangan masyarakat pelbagai peringkat umur. Boleh dikatakan pemandangan yang cantik, bersih dan udara yang nyaman menjadi antara faktor penarik kepada umum. Kolej Komuniti Kuala Pilah juga tidak ketinggalan untuk turut menganjurkan aktiviti sedemikian dengan aktiviti pendakian Bukit Senaling, Kuala Pilah. Program ini bertujuan untuk melahirkan para pelajar yang sihat dari segi mental dan fizikal.

Program yang bermula pada malam 29 Mac 2019, dimulakan dengan aktiviti keroohanian iaitu solat maghrib dan isya' secara berjemaah serta kuliah agama yang telah disampaikan oleh Ustaz Wan Ali Akhbar Bin Wan Abdullah. Antara pengisian lain pada malam tersebut ialah tayangan wayang pacak "The 3 Idiot".

Seawal jam 4.30 pagi, kesemua peserta iaitu seramai 30 orang kakitangan dan pelajar Kolej Komuniti Kuala Pilah telah bergerak ke lokasi pendakian iaitu Bukit Senaling yang berketinggian 825m. Pendakian yang bermula jam 6.00 pagi itu telah mengambil masa selama lebih kurang 2 jam untuk naik dan 1 jam 30 minit untuk turun. Secara keseluruhannya, pengalaman pendakian ini, bukan sahaja telah menguji ketahanan fizikal para peserta tetapi juga menguji ketahanan emosi dan mental peserta.



PENDAFTARAN PELAJAR 2019

SESI JUN 2019



SELAMAT DATANG PELAJAR BAHARU

OLEH : NOOR AJUMA BINTI MAT HASSAN

Pendaftaran Pelajar Baharu bagi sesi Jun 2019 telah diadakan pada 25 Jun 2019 telah menyaksikan peningkatan pelajar baru yang mendaftar pada tahun ini. Pendaftaran telah dijalankan bermula pada jam 9.00 pagi dan diakhiri pada jam 12.00 tengahari.

Selain daripada pendaftaran pelajar, taklimat bersama pengarah turut diadakan sebagai ucapan aluan pengarah kepada pelajar-pelajar baru KKKP dan juga bertujuan untuk memberi informasi berkaitan kolej dan program yang ditawarkan kepada penjaga.

Pendaftaran bagi sesi Jun 2019 mencatatkan pendaftaran seramai 27 orang pelajar baharu yang terdiri daripada pelajar setempat dan pelajar dari luar negeri iaitu dari Selangor, Perak, Johor dan Kedah. Peningkatan pada tahun ini menunjukkan bahawa program Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih ini mula dikenali dan diterima oleh masyarakat.

Seramai 24 orang pelajar lelaki dan 3 orang pelajar perempuan telah mendaftar pada sesi Jun 2019 yang terdiri daripada pelajar lepasan SPM 2018.

Pelajar Perempuan
11.1%



Pelajar Lelaki
88.9%

KOLABORASI INDUSTRI

SEHARI BERSAMA XPERT NEGERI SEMBILAN

OLEH : AMIR ARIEF BIN ZAINAL ABIDIN



30 SEPTEMBER 2019

Kolej Komuniti dan Industri merupakan dua entiti yang berlainan namun, keduanya saling memerlukan antar satu sama lain. Industri amat memerlukan tenaga mahir keluaran pusat latihan teknikal dan vokasional seperti kolej komuniti, manakala kolej komuniti memerlukan industri dalam usaha melahirkan pelajar yang menepati kehendak industri dan negara. Justeru itu, satu program kolaborasi diantara kolej komuniti dan industri harus dijalankan.

PROGRAM BUAL BICARA

Bagi merealisasikan keperluan ini, satu program bual bicara industri dan bengkel pematerian peranti mudah alih telah diadakan pada 30 September 2019 dengan kerjasama rakan kolaborasi KKKP, Xpert N9. Program ini melibatkan seramai 46 orang pelajar STA dan 8 orang staf KKKP.

Bermula seawal 9.00 pagi pelajar didedahkan dengan sesi bual bicara dari pihak industri berkaitan peluang kerjaya bersama Xpert N9 dan sedikit ringkasan berkenaan teknologi peranti mudah alih.



BENGGEL PEMATERIAN

Pada sesi kedua pula, bengkel pematerian peranti mudah alih telah dijalankan di bengkel elektrik & elektronik.

Para peserta begitu gembira dan teruja dengan program ini kerana mereka dapat menimba ilmu dan pengalaman baharu dari industri.

“1 Kampung 1 Produk”

Bersama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Negeri Sembilan



MPKK Kg Mampas Besar
26 Sept 2019
Balai Raya Kampung Besar
Kursus Pembuatan Roti Komersil
40 Peserta



MPKK Kg Tengah, Seri Menanti
9 Okt 2019
Balairaya Kg. Tengah
20 peserta

MPKK Kg Godang, Terachi
23 Okt 2019
Balairaya kg. Godang
Terachi
40 peserta



"1 Kampung 1 Produk"

OLEH : NORMAZLINA BINTI OTHMAN

Pada tahun 2019, julung-julung kalinya Kolej Komuniti Kuala Pilah telah berkolaborasi dengan beberapa MPKK di bawah DUN Seri Menanti dalam menjayakan beberapa kursus pendek bagi penghasilan produk makanan tempatan.

Kolej Komuniti Kuala Pilah telah membantu pihak MPKK dalam memberikan latihan praktikal dalam penghasilan produk serta memberikan teknik-teknik pemasaran produk secara tidak langsung kepada semua peserta kursus.

Selain daripada itu, program ini turut menyumbang dalam usaha penjaanaan pendapatan ekonomi masyarakat kampung. Semoga usahasama ini akan berterusan menerusi selari dengan peranan Kolej Komuniti Kuala Pilah sebagai hub pembelajaran sepanjang hayat.





MEMORI 2019



KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH



إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاغِبُونَ


AL-FATIHAH

FAZILAWATI BINTI REDZWAN
PENSYARAH
KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH

TELAH KEMBALI KE RAHMATULLAH PADA
16 FEBRUARI 2019 | 10 JAMADILAKHIR 1440



TERIMA KASIH PUAN HUZAIMAH HASHIM.
SEMOGA TERUS CEMERLANG DI KOLEJ
KOMUNITI REMBAU





SELAMAT DATANG TUAN PENGARAH KKKP

Ts. AHMAD AFANDI BIN ABD KHALIL





**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



**KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH
NO 33—41, JALAN 5, PUSAT KOMERSIAL MELANG,
72000 KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN**

06-481 2545 (Pejabat) | 06-481 1301 (Faks)



KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH



KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH



KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH